



Semua Pengarah Bahagian,
Ibu Pejabat JPS Malaysia.

Semua Pengarah
JPS Negeri

Semua Jurutera Projek

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

SURAT EDARAN

Pemberian Kuasa Di Bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak 1973)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat pejabat ini rujukan (36)PPS 10/4/2 BUB Jld.4 bertarikh 14 Ogos 2004 mengedarkan Pemberian Kuasa Di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 oleh Y.B Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bertarikh 24 Mei 2004.


2. Susulan daripada itu Jabatan telah membuat permohonan supaya kuasa menandatangani kontrak juga diturunkan kepada Timbalan Ketua Pengarah JPS dan Pengarah-Pengarah JPS Negeri/Wilayah Persekutuan dan ianya telah dipersetujui oleh Y.B Menteri.

3. Dengan itu bersama-sama ini disertakan Pemberian Kuasa Di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 oleh Y.B Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar kepada Ketua Pengarah JPS, Timbalan Ketua Pengarah JPS dan Pengarah-Pengarah JPS Negeri/Wilayah Persekutuan bertarikh 26 Julai 2005 untuk makluman dan edaran tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(FADZILAH ABDUL SAMAD)
Pengarah Ukur Bahan,
b/p : Ketua Pengarah,
IP JPS Malaysia,

Ruj. Tuan :
(Your Ref.)

Ruj. Kami : (41)PPS 10/4/2 BUB
(Our Ref.) Jld. 4

Tarikh : 1 Ogos 2005



MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949 [AKTA 120]


PEMBERIAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 2

Saya, Dato Sri Haji Adenan Bin Haji Satem, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan ini memberi kuasa kepada pegawai-pegawai berikut untuk menandatangani bagi pihak Kerajaan Malaysia apa-apa kontrak dalam Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) bernilai tidak melebihi amaun yang ditunjukkan berseketengan dengan nama jawatan mereka:-

	<u>Pegawai</u>	<u>Nilai Kontrak</u>
i)	Ketua Pengarah JPS	RM5 juta ke bawah
ii)	Timbalan Ketua Pengarah JPS	RM3 juta ke bawah
ii)	Pengarah-Pengarah JPS Negeri/Wilayah Persekutuan	RM2 juta ke bawah

2. Pemberian kuasa ini adalah berkuatkuasa sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan pemberian kuasa yang diberi bertarikh pada 24 Mei 2004.

Bertarikh pada 26 haribulan *Julai* 2005.


DATO SRI HAJI ADENAN BIN HAJI SATEM
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR